



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

Untuk Siaran Segera

Pendaftaran Palsu SIM Kad Prabayar: SKMM Keluarkan Saman Berjumlah RM920,000 Terhadap Lima *Telco*

Cyberjaya: 12 Mac 2013 --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengeluarkan sejumlah RM920,000-00 saman kepada Celcom Axiata Berhad, Merchantrade Sdn Bhd, U Mobile Sdn Bhd, Tune Talk Sdn Bhd, Maxis Mobile Services Sdn Bhd dan Maxis Broadband Sdn Bhd kerana melanggar syarat lesen mereka, khususnya kerana gagal memastikan maklumat tepat pengguna akaun prabayar telah didaftarkan dengan betul.

Celcom Axiata Berhad menerima saman terbanyak, iaitu lapan, dan kesemuanya berjumlah RM400,000-00. Merchantrade Sdn Bhd dikenakan tujuh saman berjumlah RM250,000-00, manakala U Mobile telah dikenakan empat saman berjumlah RM100,000-00. Tiga saman dikeluarkan terhadap Maxis Mobile Services Sdn Bhd berjumlah RM150,000-00. Manakala Maxis Broadband Sdn Bhd dan Tune Talk Sdn Bhd masing-masing dikenakan saman sebanyak RM10,000-00.

Pembekal perkhidmatan atau wakil-wakil mereka dikehendaki untuk mengesahkan maklumat yang diberikan oleh bakal pelanggan seperti yang terkandung dalam MyKad atau lain-lain dokumen pengenalan rasmi, seperti pasport. Pendaftaran ini adalah untuk mengelakkan penyalahgunaan maklumat pengguna akhir (*end user*) yang juga merupakan pelanggaran syarat lesen sebagaimana yang ditetapkan di bawah Seksyen 242 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Kenyataan Media

Press Release

"Kami melihat kegagalan untuk memastikan pendaftaran betul maklumat pengguna yang tepat sebagai kesalahan yang serius. Kami telah menerima pelbagai aduan dan maklumat tentang kes-kes dimana nombor MyKad atau IC serta nama-nama individu telah digunakan walhal individu berkenaan tidak pernah memohon perkhidmatan tersebut daripada *telco* yang dimaksudkan," kata Dato' Mohamed Sharil Tarmizi, Pengerusi SKMM.

[Tamat]

Nota kepada Editor:

Sekiranya organisasi anda ingin memetik kenyataan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk sesuatu artikel mahupun bahan berita, petikan tersebut haruslah merujuk kepada SKMM sebagai sebuah organisasi dan bukan mana-mana pegawai SKMM melainkan sekiranya jurucakap rasmi SKMM ada dinyatakan di dalam kenyataan akhbar atau sebarang maklumbalas rasmi kepada media.

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

SKMM adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. SKMM mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga perkhidmatan internet, pos dan pensijilan digital.

AKM mengadakan peruntukan kepada SKMM peranan melaksanakan dasar, manakala kuasa membuat keputusan tentang dasar diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari www.skmm.gov.my

Untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Sheikh Raffie Abd Rahman
Ketua Komunikasi Strategik

Rahayu Abdul Aziz
Timbalan Pengarah, Komunikasi Strategik

Tel: +603 8688 8000 Faks: +603 8688 1007 E-mel: ccd@cmc.gov.my